

No. Ruj. : Prk.ML. 76/01 Jld. 4 (17)  
Tarikh : 30 April 2013

**(SERTA MERTA)**

**Semua Pengarah Perikanan Negeri**

Y.H.Dato'/Tuan/Puan,

**PENANGGUHAN PENGUATKUASAAN PELAKSANAAN SYARAT LESEN  
TAMBAHAN BAGI MEMBAWA TANGKI MINYAK TAMBAHAN DI ATAS VESEL  
MENANGKAP IKAN TEMPATAN**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut diatas, surat kami Ruj. Prk.ML.76/01 Jld. 4 (8) bertarikh 10 November 2012 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Ibu Pejabat Perikanan, Putrajaya telah menerima arahan daripada Pejabat YB. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani mengenai bantahan nelayan ke atas pelaksanaan syarat lesen tambahan berkaitan membawa tangki minyak tambahan di atas vesel menangkap ikan.


3. Sehubungan itu, Jabatan ingin menengguhkan penguatkuasaan pelaksanaan syarat lesen tambahan tersebut dengan serta merta dan pada masa yang sama satu kajian yang lebih terperinci akan dilaksanakan.

4. Dengan itu, saya memohon kerjasama daripada pihak Y.H.Dato'/tuan/puan untuk melaksanakan arahan penangguhan penguatkuasaan syarat lesen tambahan bagi membawa tangki minyak tambahan di atas vesel menangkap ikan tempatan ini dengan serta merta. Segala kerjasama daripada pihak Y.H.Dato'/tuan/puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
**(DATO' AHAMAD SABKI BIN MAHMOOD)**  
Ketua Pengarah Perikanan Malaysia  
PUTRAJAYA

s.k.

1. YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)
2. YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Operasi)
3. Pengarah Bahagian Pelesenan & Pengurusan Sumber
4. Pengarah Bahagian Perlindungan Sumber
5. Pengarah Bahagian Kejuruteraan  
***(Sila pihak tuan mengadakan mesyuarat bagi menentukan kapasiti tangki minyak yang sesuai bagi setiap vesel menangkap ikan. Terima kasih)***
6. Ketua Cawangan Perundangan
7. Ketua Cawangan Pelesenan
8. Ketua Cawangan Pembangunan Perikanan Laut Dalam

**PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI**